

BAB II

TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Antara beberapa aspek yang ditinjau dalam bab ini pertamanya tentang sejarah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Tamil di Malaysia, serta beberapa variabel yang mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Dikemukakan beberapa penulisan berkaitan konsep minat. Pemahaman tentang konsep minat penting kerana tujuan kajian ini adalah untuk melihat minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

2.1 Tinjauan mengenai Pengajaran Bahasa Tamil Di Semenanjung Malaysia

2.1.1 Sejarah Perkembangan Pengajaran Bahasa Tamil di Semenanjung Malaysia.

Menurut S.Kumaran (2003), kemasukan secara beramai-ramai imigran India merupakan satu fenomena baru, yang berlaku pada akhir abad ke sembilan belas dan awal abad kedua puluh. Menurut beliau, orang India merujuk kepada orang-orang Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Bengalis, Gujuratis dan Sindhis.

“The term ‘Indian’ encompasses many ethnic groups from the Indian subcontinent. But the overwhelming majority of migrants from India to Malaysia were the Tamil speakers from South India, accounting for about 80% of the Indians in Malaysia.”

(S.Kumaran, 2003, 316)

Migrasi orang India ke Tanah Melayu secara besar-besaran berlaku di bawah penjajahan British selepas tahun 1874 seiring dengan penanaman getah secara luas pada kurun kedua puluh. Pekerja-pekerja ini bersifat sementara bertujuan untuk balik ke India. Mereka dipisahkan daripada kaum lain seperti Cina dan Melayu. Pekerja-pekerja India bebas mengamalkan kebudayaan dan tradisi masing-masing. Anak-anak India diberikan pendidikan Tamil bagi kanak-kanak Tamil, Malayalam bagi kanak-kanak Malayalam dan Telugu bagi kanak-kanak Telugu, sekolah Punjabi bagi kanak-kanak Punjabi. Bagi pihak British, pada tahap awal, pendidikan Tamil tidak begitu penting disediakan untuk orang India yang datang bekerja sebagai kaum buruh, (Saraswathi,2003). Kerajaan Kolonial tidak ingin memikul pertambahan perbelanjaan. Bagi mereka imigran India dianggap sebagai satu ketika akan balik ke India, (S.Kumaran,2003).

Beberapa dekad selepas kemasukan India ke Tanah Melayu, orang-orang Telugu dan Malayalam mula memberikan pendidikan Tamil kepada anak-anak mereka kerana bahasa Tamil merupakan bahasa perantaraan utama di negara ini.

Sekolah-sekolah Tamil telah diwujudkan di Negeri-negeri Selat iaitu ditumpangkan di 'free schools' seperti Penang Free School pada tahun 1816 dan Anglo- Tamil school di Melaka pada tahun 1850. Kemudian pentadbir British telah membuat keputusan untuk memberikan pendidikan Tamil kepada kanak-kanak pekerja India. Usaha penubuhan sekolah-sekolah

rendah Tamil dijalankan oleh pemilik-pemilik ladang berbangsa Inggeris sebagai cara 'memujuk' kaum India untuk tinggal lama di ladang-ladang. (Sufean Hussin, 1993).

Pada tahun 1905, terdapat tiga belas sekolah kerajaan dan sekolah Tamil yang diuruskan oleh mubaligh Kristian di Negeri-Negeri Malayu Bersekutu. Masyarakat India agak pasif terhadap urusan menubuhkan sistem persekolahan vernakular Tamil sungguhpun dasar terbuka pihak Inggeris tersabit dengan mereka (Sufean Hussin,2003). Usaha memajukan sekolah vernakular Tamil hanya giat dilaksanakan selepas pihak Inggeris menguatkuasa Kanun Buruh pada tahun 1923. Menurut Kanun Buruh setiap ladang diwajibkan membina sekolah Tamil di mana terdapat sepuluh atau lebih kanak-kanak pekerja Tamil antara umur 6 hingga 12 tahun. Walaupun demikian, anak-anak India menerima empat tahun pendidikan di sekolah Tamil yang tidak membawa mereka ke mana-mana kecuali di ladang sahaja, (Sufean Hussin,1993).

Menurut (Sufean Hussin,(1993), bilangan daftaran murid-murid di sekolah-sekolah Tamil adalah amat rendah sekali. Hal ini disebabkan oleh (i) keadaan sekolah-sekolah Tamil yang serba kekurangan dari segi infrastruktur, buku teks dan tenaga pengajar; (ii) sikap masyarakat India yang rendah terhadap pendidikan; (iii) kesan tarikan sekolah-sekolah Inggeris di

Bandar-bandar; dan (iv) sikap kerajaan Inggeris yang tidak memperdulikan soal mempertingkatkan bantuan dan mutu sekolah-sekolah Tamil.

Terdapat juga sekolah-sekolah Tamil yang telah ditubuhkan oleh persatuan-persatuan Tamil dan mubaligh-mubaligh Kristian. Tenaga mengajar pula terdiri daripada guru-guru yang telah dibawa dari India. Menjelang tahun 1930 terdapat empat jenis sekolah vernakular Tamil iaitu, sekolah kerajaan, sekolah estet, sekolah persendirian yang diusahakan oleh masyarakat India dan sekolah persendirian yang ditadbir oleh pendakwah kristian. Pada tahun 1936, sukatan pelajaran bahasa Tamil telah diseragamkan dan guru-guru diwajibkan menduduki peperiksaan perguruan, (Sufean Hussin, 1993).

Pada masa pendudukan Jepun, kurikulum sekolah-sekolah Tamil diteruskan dengan nyanyian klasik Jepun, dan latihan fizikal sebagai aktiviti tambahan. Selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, Kolonial Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu. Banyak sekolah-sekolah Tamil dibuka tetapi corak dan struktur sekolah-sekolah Tamil tidak berubah. Pada tahun 1956, P. P. Narayanan, Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang telah meminta kerajaan British supaya bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dimasukkan dalam kurikulum sekolah Tamil. Pengajaran bahasa Tamil masih bercorak keindiaan dan diajar setakat Darjah VII Tamil sahaja, (Kulandasamy, 1990).

2.1.2 Pengajaran Bahasa Tamil selepas kemerdekaan di Semenanjung Malaysia.

Laporan Razak (1956) telah memberi tempat dan layanan yang sewajarnya kepada sekolah-sekolah Tamil dan pembelajaran Bahasa Tamil dalam sistem pendidikan negara kita. Pelajar-pelajar Tamil dapat peluang mengikuti pengajaran bahasa Tamil ke peringkat tinggi. Pengajaran bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda (POL) di sekolah-sekolah menengah diimplimentasikan selepas Laporan Razak, (Sufean Hussin, 1993).

Menurut Laporan Razak, murid-murid dari sekolah rendah Tamil boleh memasuki kelas peralihan di sekolah-sekolah menengah. Setelah enam tahun di sekolah rendah Tamil mereka perlu menghadiri kelas peralihan untuk setahun bertujuan menguasai kecekapan bahasa penghantar (sama ada bahasa Inggeris kemudian bahasa Melayu) sekolah-sekolah menengah. (S.Kumaran, 2003) Mereka juga boleh mempelajari bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah sebagai satu mata pelajaran dan menduduki peperiksaan awam diperingkat Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P) atau Lower Certificate of Education (L.C.E), School Certificate Examination (S.C) atau Malayan Certificate of Examination (M.C.E) atau Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) dan High School Certificate (H.S.C) atau Sijil Tinggi Peperiksaan (S.T.P) (Kulandasamy, 1990)

Laporan Razak (1956) telah mengesyorkan bahawa, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa Kedua. Pendidikan Vernakular Tamil dan Cina akan berterusan.(Vengadamal, 1999) Ini menyumbang kepada pengekalan sekolah-sekolah rendah Tamil dan sekolah rendah Cina sementara sekolah kebangsaan terbuka kepada semua kaum. Bagi pelajar Cina dan India di sekolah kebangsaan,

‘..... Arrangements can be made to have Chinese and Tamil language classes to be conducted on the urgings of At least fifteen parents of children Of either ethnic origin.’
(S.Kumaran,2003,334)

Pada peringkat sekolah menengah, pembelajaran bahasa Tamil dan Bahasa Cina sama seperti yang terdapat pada peringkat sekolah rendah, sekiranya terdapat permintaan daripada lima belas ibubapa pelajar di sekolah tersebut maka kelas bahasa ibunda perlu diusahakan oleh pihak sekolah.

Justeru itu, kita dapat lihat kerajaan Tanah Melayu yang baru sahaja mendapat kemerdekaan, telah mengiktiraf pengajaran bahasa Tamil dengan menerima Laporan Razak. Ini adalah satu fenomena baru. Pada masa pentadbiran British, walaupun sekolah-sekolah Tamil wujud, tetapi pengajaran bahasa Tamil di sekolah menengah hanya wujud selepas Laporan Razak di laksanakan. (Sufean Hussin,1993).

Kelahiran negara baru pada tahun 1957 membawa kepada pembentukan perpaduan negara. Selaras dengan itu, indentiti 'Malayan' perlu dibentuk . Dengan pelaksanaan Laporan Razak, sekolah-sekolah Tamil telah mengikuti kurikulum yang sama dengan sekolah-sekolah rendah yang lain kecuali bagi mata pelajaran bahasa Tamil. Bahasa Malayu diajar sebagai Bahasa Kebangsaan bertujuan ke arah integrasi nasional. Kerajaan telah memberi jaminan hak-hak kaum bukan Melayu sepertimana yang termaktub dalam perlembangan mengenai bahasa-bahasa Vernakular dihormati dan dikekalkan.(Haji Mohd. Khusairi Haji Abdullah, 1983).

Seterusnya, Jawatankuasa Kabinet telah mengkaji semula pelaksanaan polisi Pendidikan Negara telah menyatakan bahawa,

“Bahasa Tamil menjadi bahasa penghantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Bahasa ini diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah jenis lain, sekiranya didapati ada permohonan dari lima belas orang ibubapa murid atau lebih, meminta supaya bahasa itu diajar “.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1987)

Kenyataan-kenyataan dalam laporan ini, membenarkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah sekiranya syarat-syarat yang telah ditetapkan dapat dipenuhi.

Pada tahun 1987, satu jawatankuasa bebas ditubuhkan yang diketuai oleh Y.B.Woon See Chin (Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia pada masa

itu) untuk meninjau masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah-sekolah menengah. Antara cadangan utama memorandum itu;

- i) Kelas P.O.L dijalankan dalam waktu sekolah mengikut Jadual Waktu Harian Sekolah
- ii) P.O.L diwajibkan kepada semua murid-murid bukan Melayu. iaitu Bahasa Tamil untuk murid-murid India dan bahasa Tionghua bagi murid-murid Cina.
- iii) Diadakan sukatan pelajaran Bahasa Tamil Dan Mandarin yang kemaskini.
- iv) Melantik guru-guru Tamil Dan Mandarin penuh masa bagi pengajaran P.O.L
- v) Dicapangkan latihan perguruan di maktab-maktab Perguruan dan universiti-universiti untuk guru-guru Bahasa Tamil sekolah menengah.
- vi) Latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru sekolah rendah yang sedang mengajar di sekolah-sekolah menengah

(Kulandasamy, 1990)

Laporan ini menjelaskan bahawa, pengajaran bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang berkesan akan menghasilkan sumber manusia yang

diperlukan oleh pihak-pihak tertentu seperti maktab-maktab perguruan, Kementerian Penerangan, penterjemah dan sebagainya.

Ekoran dariapda memorandum Jawatankuasa Bebas P.O.L 1987, dan aduan orang awam, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk memasukkan pengajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina dalam Jadual Waktu Harian sekolah. Bahasa Tamil dan Bahasa Cina telah menjadi mata pelajaran sekolah menengah Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah (KBSM).

2.1.3 Keadaan Pengajaran Bahasa Tamil pada masa kini.

Polisi berkenaan dengan pengajaran bahasa Tamil telah mempengaruhi oleh faktor-faktor politik dan sosio-budaya. Empat puluh lapan tahun selepas kemerdekaan, polisi-polisi berkenaan dengan bahasa masih lagi menjadi sensitif dan kerajaan terpaksa menghormati sentimen-sentimen masyarakat majmuk di negara ini. Bahasa Tamil masih lagi diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah. Guru-guru telah diberi latihan khusus dalam pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah.

Motivasi untuk mempelajari bahasa Tamil adalah kurang kerana nilai-nilai pragmatik bahasa itu adalah terhad dalam konteks negara kita. Walaupun kerajaan Malaysia telah memberikan peluang-peluang pembelajaran Bahasa Tamil sehingga ke peringkat universiti ternyata

bahawa yang menawarkannya ke peringkat ini adalah kurang memandangkan nilai-nilai pragmatik yang boleh didapati dengan kelulusan ini. Status Bahasa Tamil untuk memuaskan permintaan-permintaan politik satu-satu kaum tertentu sahaja. Ia cuma diajar untuk hayati kebudayaan Tamil dan untuk mengekalkan indentiti masyarakat tersebut. (Kulandasamy, 1993)

2.2 Pandangan tentang Konsep Minat

Bagi pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah minat murid tentang bahasa Tamil langsung tidak diberi layanan. Kesannya pengajaran bahasa Tamil adalah dipandang dari sudut pentadbirannya pada hal sudut murid-murid yang mempelajarinya tidak di sentuh atau diabaikan.

Pada masa kini tidak ada kajian-kajian empirikal mengenai minat murid-murid Tamil terhadap Bahasa Tamil. Namun demikian terdapat kajian minat terhadap pembelajaran bahasa-bahasa lain dan mata pelajaran lain telah menunjukkan bahawa, minat murid-murid terhadap sesuatu kurikulum banyak mempengaruhi kejayaan kurikulum itu.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran minat memainkan peranan penting. Menurut Paul L. Gardner (1989), minat itu merujuk kepada,

".....to a preference to engage in some types of activities rather than others. An interest may be regarded as a highly specific type of attitude. When we are interested in a particular phenomenon or activity, we are favorably inclined to attend to it and give time to it."

(hlm. 140)

Ini bermakna, seseorang yang menunjukkan minat terhadap sesuatu akan menunjukkan perasaan positif terhadapnya.

Annamalai (1994) dalam kajian beliau telah memetik tafsiran Eysenck (1953), minat sebagai,

"... minat ditafsir sebagai sikap yang positif terhadap objek atau sekumpulan objek yang mana kita tertarik kepadanya".
(hlm. 29)

dan seterusnya Getzels (1956)

"..... Minat ialah pengaruh yang membuat sesuatu organisme berusaha mencapai objektif atau aktiviti tertentu."
(hlm. 29)

2.3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar

Pada masa kini terdapat kajian-kajian tentang pemikiran murid-murid tentang sesuatu kurikulum. Perkembangan dalam kognitif sosial telah menggalakkan kajian-kajian mengenai pemikiran murid-murid. Mengikut Flavel (1977) kognitif sosial ini didefinisikan sebagai;

"Cognition of human objects and their doings. It includes perception, thinking and knowledge of human social world."

Minat seseorang murid terhadap bahasa yang dipelajarinya dan kebudayaan bahasa itu lebih mempengaruhi kecekapannya dan

penguasaannya dalam bahasa itu. Di samping itu masa pengajaran bahasa juga boleh mempengaruhi minat murid-murid tentang bahasa yang diajar itu. Jika, bahasa itu diajar di luar waktu sekolah, maka murid-murid akan memikirkan bahawa bahasa itu tidak penting atau tidak sepenting dengan bahasa-bahasa lain yang diajar dalam jadual waktu sekolah.

Mengikut M.S.Thirumalai (1978), dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa enam aspek yang mempengaruhinya dapat dikesan. Ianya adalah pengaruh guru yang mengajar, cara dan keadaan pengajarannya, alat bantuan mengajar yang digunakannya, keadaan sosio-ekonomi murid, sikap dan minat murid dan sifat bahasa yang dipelajarinya itu.

Sifat guru-guru yang mengajar meliputi umur, jantina, pengalaman mengajar, kecekapannya dalam bahasa yang diajarnya, pengetahuan bahasa. Sikapnya terhadap murid-murid yang diajarnya mungkin menjadi unsur yang penting dalam kejayaan atau kegagalan pengajarannya. Yang amat penting sekali ialah galakkan yang diberikan oleh guru-guru kepada murid-murid untuk mempelajari sesuatu bahasa. Jika murid-murid menganggap, guru yang mengajarnya tidak mementingkan bahasa yang diajarnya, maka murid-murid tidak akan berminat mempelajarinya. Jika guru yang mengajar merasa bahawa murid-murid yang diajarnya tidak akan menerima apa yang diajarnya, maka murid-murid akan terus hilang minat mempelajari bahasa itu, (Kulandasamy, 1990,46). Laporan Colemann (1982)

dan rakan-rakannya mengenai pencapaian akademik di sekolah-sekolah di Amerika Syarikat dengan jelasnya menunjukkan bahawa pencapaian akademik dan minat murid-murid untuk belajar banyak bergantung kepada guru-gurunya dari segi kemesraan, berkesan pengajaran dan layanan yang adil daripada guru-gurunya.

2.3.1 Pengaruh Latar Belakang Keluarga Terhadap Minat

Menurut M.S. Thirumalai (1978) ibubapa yang tidak mahu kanak-kanak mereka mempelajari bahasa ibunda mereka kerana, kurangnya nilai-nilai pragmatik bagi bahasa itu. Keadaan ini mungkin akan mempengaruhi minat kanak-kanak mereka terhadap bahasa ibundanya.

Keluarga yang tidak menggunakan bahasa Tamil dalam kehidupan harian mereka mempengaruhi minat kanak-kanak untuk mempelajarinya. Kanak-kanak tersebut akan menganggap bahasa Tamil tidak ada sebarang nilai dalam kehidupannya. Menurut Ramiah (1987),

“..... some Indians think that the social status of the Tamils is not highly regarded so they do not want to be identified with these people. This explains their reluctance to ask their children to take Tamil as a second language.”
(hlm.9)

Menurut M.S.Thirumalai (1978) tempat tinggal murid-murid boleh mempengaruhi minat mereka terhadap bahasa ibundanya. Jika bahasa ibundanya jarang dituturkan disekitar tempat tinggalnya, maka keadaan ini

akan memberikan murid-murid tersebut menguasai dan mempelajari bahasa yang biasanya dituturkan di tempat tinggalnya. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa latarbelakang murid-murid juga turut mempengaruhi minat mereka terhadap bahasa ibunda mereka.

Latar belakang keluarga memainkan peranan penting dalam penentuan minat pelajar-pelajar India. Dalam kajian Marimuthu (1975), mendapati sosio-ekonomi ibubapa memainkan peranan penting manakala minat dan galakkan yang ditunjukkan oleh ibubapa terhadap pelajar menentukan tahap pencapaian akademik mereka dan berjaya mereka.

Kajian yang dibuat pada tahun 1980an di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa ekonomi keluarga banyak mempengaruhi pelajar dari segi perkembangan psikologi. Pelajar yang terpaksa memikul tanggungjawab keluarga terpaksa membahagikan masa diantara kerja dan persekolahan. Pelajar yang bekerja di dalam rumah dan di luar rumah kurang menghabiskan masa untuk menyiapkan tugas sekolah dan kurang berminat untuk ke sekolah dan kesannya mereka hanya mendapat gred rendah. Mortimer dan Finch (1986) mendapati, ramai pelajar di Amerika gagal dalam peperiksaan dan diberhentikan. Keadaan ini dapat menerangkan kepada kita bahawa mereka sudah tidak ada lagi cita-cita untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Kajian yang dijalankan ke atas keluarga yang berpendapatan rendah menunjukkan kemiskinan menyebabkan pelajar tercicir dari alam persekolahan. Kajian yang dijalankan oleh Conger, Elder, Lorez, Simons & Whitbeck (1994) menunjukkan bahawa faktor kewangan menyebabkan pelajar kurang pencapaian akademik dan tidak minat terhadap pelajaran.

Latar belakang status ekonomi sosial keluarga mempengaruhi pencapaian pelajar. Keluarga yang berkemampuan membiayai segala perbelanjaan persekolahan. Pelajar dapat memberi tumpuan keseluruhan terhadap pelajaran mereka, (Adnan, 1980).

2.3.2 Pencapaian Dalam Bidang Akademik

Featherman (1980) berpendapat pencapaian akademik terdiri daripada pencapaian sekolah (bilangan pelajar yang berjaya mendapat gred atau keputusan yang baik), pencapaian dalam bidang akademik (mutu peperiksaan) dan pencapaian bilangan pelajar yang berjaya dihasilkan oleh sekolah setiap tahun.

Pelajar dikatakan menghadapi masalah akademik, lalu hilang minat dan tidak mempunyai motivasi untuk belajar. Mereka menghadapi masalah cepat jemu dari bosan. Sistem pendidikan negara kita yang terlalu menekankan pencapaian dalam bidang akademik menimbulkan tekanan terhadap pelajar. Kajian Neuber (1988) terhadap 6,863 orang pelajar

mencatatkan pencapaian yang kurang memuaskan dalam peperiksaan sebagai punca tekanan mereka. Pencapaian yang kurang memuaskan dalam ujian dan peperiksaan menyebabkan pelajar hilang minat terhadap mata pelajaran berkenaan.

2.3.3 Penggunaan Buku Teks

Buku teks mempunyai ciri-ciri tersendiri. Buku teks dihasilkan mengikut garis panduan dan kriteria yang ditentukan berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran.

Menurut Kuljit Kaur (1998), beberapa kriteria disediakan oleh Bahagian Buku Teks untuk menilai buku teks yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah. Antaranya isi kandungan mesti meliputi semua kemahiran, tepat dan terkini, sesuai dengan kumpulan sasaran, menerapkan nilai-nilai murni dan unsur patriotisme. Dari sudut persembahan pula, buku teks mesti mengikut prinsip pengajaran dan pembelajaran, berpusatkan pelajar, olahan bahan terancang dan mudah difahami. Latihan dan aktiviti seharusnya membantu pelajar menguasai kemahiran yang berkaitan. Bahasa dalam buku teks seharusnya sesuai dan meliputi senarai perbendaharaan kata yang terkandung dalam huraian sukatan pelajaran.

Ilustrasi di dalam buku teks seharusnya berfungsi, menarik dan pelbagai bentuk dan jenis. Seterusnya beliau menyenaraikan perkara-

perkara yang perlu dielakkan. Perkara sensitif seperti diskriminasi terhadap ras dan jantina perlu dielakkan. Sikap pemikiran dan tingakhlaku negative tidak boleh disertakan. Seterusnya perkara-perkara subversive iaitu perkara bertentangan dengan dasar negara perlu dielakkan.

Kesimpulannya buku teks yang bermutu tinggi akan meningkatkan ilmu pengetahuan serta membentuk sahsiah pelajar.

2.4 RUMUSAN

Pada amnya kajian mengenai minat murid-murid terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil menunjukkan bahawa ada pertalian yang kuat dengan sikap, minat dan pencapaian murid-murid dalam sesuatu mata pelajaran. Kegunaan bahasa yang dipelajarinya dalam kehidupannya menjadi motivasi utama untuk mempelajari bahasa itu.

Berdasarkan kepada tinjauan-tinjauan ini adalah dibuktikan bahawa pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil dan pengajarannya di sekolah-sekolah menengah haruslah dilihat dari perspektif minat murid-murid terhadap Bahasa Tamil supaya, segala langkah-langkah yang diambil untuk membaiki pengajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah akan menjadi lebih berkesan.